

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA DR. MAXIMUS
JOHNITY ONGKILI [KOTA MARUDU]**

TARIKH : 3 DISEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 22

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah strategi dan langkah-langkah terkini yang digubal dan dilaksanakan untuk mempromosi dan meningkatkan nilai eksport hasil-hasil pertanian negara. Bagaimanakah Kementerian mengatasi saingan dari negara-negara ASEAN yang lain yang mengeluarkan hasil-hasil pertanian yang sama.

JAWAPAN

Yang Dipertua,

1. Malaysia mempunyai pelbagai produk hasil pertanian yang berpotensi untuk dieksport ke luar negara. Produk-produk tersebut antaranya adalah nanas, nangka, rambutan dan produk bernilai tinggi seperti sarang burung walit, durian, rumpai laut dan lain-lain. Kementerian sangat komited dalam mempromosi dan meningkatkan nilai eksport hasil pertanian negara ke negara-negara berpotensi.

2. Sehingga tahun 2018, Singapura, China, Indonesia, Thailand dan Viet Nam merupakan lima (5) pasaran eksport utama hasil pertanian Malaysia. Nilai eksport ke negara-negara tersebut adalah berjumlah RM14.6 bilion atau 46.4% daripada jumlah keseluruhan

SOALAN NO : 22

eksport agromakanan Malaysia bagi tahun 2018. Di samping itu, produk-produk hasil pertanian Malaysia turut menerima permintaan tinggi terutamanya dari negara-negara ASEAN, Jepun, Korea Selatan, Timur Tengah, Australia, New Zealand dan Amerika Syarikat.

3. Bagi mempergiatkan promosi dan meningkatkan nilai eksport hasil pertanian negara, Kementerian telah memperkemas langkah dan strategi terkini di bawah dokumen Hala Tuju MOA: Prioriti dan Strategi 2019-2020. Penekanan diberikan kepada penerokaan pasaran baharu, penyertaan di dalam ekspo dan misi perdagangan, penganjuran program promosi secara bersasar dan sesi penemusuaan.

4. Bagi tahun 2019, Kementerian telah mula meneroka pasaran baharu seperti Qatar, Perancis dan Hungary melalui penyertaan di dalam ekspo perdagangan utama di negara-negara tersebut. Selain itu, Kementerian juga mengambil inisiatif untuk memperkukuhkan pasaran sedia ada dengan penganjuran program promosi seperti Malaysia Durian Festival di Nanning, China, Malaysia Fair di Tokyo, Jepun dan Malaysia Street Food di Bangkok, Thailand. Tujuan program ini dilaksanakan adalah untuk memberi pendedahan di dalam bentuk pendidikan kesedaran (*awareness*) kepada konsumer seperti cara memakan, maklumat nutrisi dan kesihatan, dan sebagainya. Sehingga September 2019, Kementerian telah menyertai 34 ekspo perdagangan, program promosi *in-store* dan penganjuran festival di luar negara. Hasil penyertaan dan penganjuran program promosi tersebut telah mencatatkan potensi jualan sebanyak RM265 juta melalui aktiviti penemusuaan dengan pengimport berpotensi. Program yang dilaksanakan ini turut melibatkan kerjasama Kementerian, Jabatan dan Agensi dengan pihak pengimport yang membantu melaksanakan aktiviti seperti persampelan, demonstrasi masakan dan uji rasa.

5. Bagi mengatasi saingan negara ASEAN yang mengeluarkan produk hasil pertanian yang sama, Kementerian mengambil pendekatan dengan mengetengahkan perkara-perkara seperti berikut:-

SOALAN NO : 22

- a. Keunikan
Produk hasil pertanian yang dikeluarkan mempunyai ciri-ciri unik dan istimewa berbanding dengan produk yang sama dari negara-negara lain. Sebagai contoh, durian Musang King yang mempunyai rasa dan aroma unik berbanding durian Musang King dari Thailand. Begitu juga dengan mangga Harumanis yang mempunyai tekstur isi yang lebih serat berbanding Harumanis dari Indonesia.

- b. Kualiti dan daya jejak
Memberi penekanan kepada amalan pertanian baik dan daya jejak di dalam mempromosi hasil pertanian di luar negara. Perkara ini menjadi salah satu kriteria semasa siri rundingan akses pasaran dengan pihak kompeten di negara pengimport. Amalan pertanian baik dan sistem daya jejak dapat meyakinkan dan memberikan kepercayaan kepada para pengguna di negara pengimport memandangkan ia dapat menghasilkan kualiti pengeluaran yang konsisten dan mengurangkan risiko penyakit.

- c. Varieti dan baka baru
Aktif menghasilkan varieti dan baka baru yang lebih baik dari segi kualiti dan pengeluaran, rasa, tekstur, aroma dan sebagainya berbanding dengan varieti yang ada di negara-negara lain. Sebagai contoh MARDI telah menghasilkan rambutan varieti Mutiara Wangi dan Mutiara Merah di mana pokoknya lebih rendah, mampu berbuah awal daripada klon popular lain, mempunyai isi yang tebal, manis dan lekang serta mempunyai aroma ketara.

- d. Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004
Meningkatkan penguatkuasaan Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 yang memberi hak kepada pembiakbaka yang dapat menghasilkan varieti baru tumbuhan, supaya varieti tersebut boleh dilindungi daripada dibiak oleh negara-negara lain yang berpotensi menjejaskan pengeluaran negara.

e. Produk dengan nilai tambah

Pengeluaran produk dengan nilai tambah memberi variasi kepada pengguna. Usahawan digalakkan berinovasi untuk menghasilkan produk baharu, sebagai contoh produk berasaskan durian seperti ais krim durian, mochi, moon cake dan lain produk yang memenuhi citarasa negara pengimport, bagi meningkatkan permintaan produk-produk ini di luar negara.

f. Penerokaan potensi bagi pasaran Halal

Pengiktirafan pasaran global terhadap persijilan Halal Malaysia memberi satu nilai tambah terhadap jenama produk dari Malaysia. FAMA dengan kerjasama JAKIM sedang merangka kerjasama strategik bagi memudahcara proses akreditasi Halal. Selain itu, beberapa pusat pemprosesan yang berakreditasi GMP dan Halal di 15 lokasi turut dibangunkan bagi membantu usahawan meningkatkan kapasiti pengeluaran mereka.

6. Kementerian berserta Jabatan dan Agensi di bawahnya akan meneruskan usaha mengkomersilkan serta mempromosikan produk hasil pertanian di pasaran luar negara khususnya bagi memastikan ianya dapat meningkatkan nilai eksport. Usaha berterusan bukan sahaja di pihak Kerajaan bahkan di pihak swasta diperlukan untuk memastikan bekalan yang konsisten dan berkualiti untuk tujuan eksport.

Sekian, terima kasih.